



PENYERAHAN TAJAAN ... Professor Dato' Dr Ansary Ahmed menyerahkan tajaan keseluruhan yang bernilai RM 173, 000 kepada Ismail Mohd Hanis di Pusat Penerangan Islam Sarawak, semalam.

Guru KAFA digesa tingkatkan akademik dan kemahiran

NUR AIN OTSMAN

KUCHING: Guru Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA) disaran mempertingkatkan tahap akademik dan kemahiran mereka untuk menghadapi cabaran mengajar anak muda yang lebih bijak dalam menggunakan sesuatu maklumat.

Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Ismail Mohd Hanis berkata, cabaran di kalangan guru KAFA semakin bertambah kerana anak muda zaman sekarang lebih bijak mendapatkan dan menggunakan sistem maklumat disebabkan ledakan komunikasi era ini.

"Guru KAFA mesti memperhebatkan keupayaan mereka dan guru ini disaran mengambil peluang untuk belajar memahami sedalamnya ilmu agama," katan-

ya. Beliau berkata demikian ketika menghadiri Pelancaran Program Peningkatan Tahap Akademik Guru-Guru KAFA Peringkat Negeri Sarawak di Pusat Penerangan Islam Sarawak, semalam.

Tambahnya, mengikut rekod daripada JAIS, seramai 39 orang guru sahaja yang berlatar-belakang pendidikan agama dan Sarawak masih memerlukan 401 guru agama iaitu kekosongan yang masih belum dapat diisi pada masa ini.

"Rata-rata guru KAFA berumur bawah 40 tahun dan ramai di antara mereka berpendidikan setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bermakna mereka ini masih muda dan guru ini harus mengambil peluang untuk belajar mengenai ilmu agama sekali gus dengan agama yang lebih dalam maka mudah untuk mereka menghadapi anak muda.

"Keperluan di negeri Sarawak ini begitu jelas terutamanya berkaitan dengan guru yang berlatar belakang pendidikan Islam," ujarnya.

Katanya lagi, JAIS tidak akan membiarkan ummah yang ada di negeri ini dalam keadaan terkapai-kepai memajukan diri sendiri.

"JAIS sedang dalam rangka memperkasakan strategi pendidikan Islam untuk anak-anak di negeri ini dan sebanyak 11 buah sekolah dalam kawalan langsung JAIS iaitu sembilan buah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah manakala sebuah sekolah lagi dalam peringkat perancangan.

"Kita sentiasa bersama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPN) untuk melihat anak bangsa kita berjaya mengharungi dunia yang cukup mencabar ini

tanpa membiarkan mereka terkapai-kepai," jelasnya.

Seramai 350 orang guru KAFA daerah Kuching menyertai program selama satu hari semalam anjuran bersama Bahagian Pengukuhan Pendidikan Islam JAIS, Sekretariat Pengelola Pusat Perkembangan Minda Darul Ridzuan (PPMDR), Asia e-Universiti dan Kolej Komuniti Wilayah Sarawak.

Turut hadir, Presiden Asia e-Universiti, Professor Dato' Dr Ansary Ahmed, Timbalan Pengarah Biro Perkhidmatan Pendidikan (BPP) MIS, Dr Zulwali Kifli Merawi, Ketua Pegawai Eksekutif PPMDR, Muhammad Faizal Tahiruddin, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengukuhan Pendidikan Islam Jais, Abdul Latif Abdul Karim serta Ketua Unit Operasi, Sektor Pendidikan Islam, JPN Sarawak, Zaini Hasbollah.